

**CHRISTIAN FEDERATION OF MALAYSIA  
(PERSEKUTUAN KRISTIAN MALAYSIA)**

*Alamat : 26 Jalan Universiti, 46200 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan, Malaysia*

*Telefon / Faks : (03) 7957 1457*

*Email: [cfmsia@yahoo.co.uk](mailto:cfmsia@yahoo.co.uk)*

**KENYATAAN MEDIA PERSEKUTUAN KRISTIAN MALAYSIA**

22hb Ogos 2013


Persekutuan Kristian Malaysia mengambil perhatian berat terhadap keputusan Mahkamah Rayuan tidak membenarkan usul Uskup Agung Katolik Kuala Lumpur untuk membatalkan rayuan Kerajaan terhadap penghakiman kes Herald pada tahun 2009 yang membenarkan penerbitan Herald menggunakan istilah “Allah” .

Kami difahamkan Mahkamah Rayuan telah tetapkan 10hb September 2013 untuk mendengar hujah penuh daripada Kerajaan dan pencelah serta hujah penuh daripada peguam Herald.

Sementara itu, kita berdoa supaya perkara ini tidak akan dipolitikkan tetapi membenarkan Mahkamah Rayuan mengadili dengan adil berhubung perkara ini.

Dengan niat yang ikhlas dan supaya orang ramai akan lebih memahami kedudukan kami, kami lampirkan dokumen fakta Persekutuan Kristian Malaysia yang bertajuk “Bila, Mengapa dan Bagaimana Kristian menggunakan istilah ‘Allah’”. Adalah menjadi harapan kami bahawa sesungguhnya perspektif fakta kami mengenai isu ini digunapakai di mahkamah negara kita.

Yang benar,



Rev. Dr. Eu Hong Seng,  
Chairman and the Executive Committee,  
The Christian Federation of Malaysia